

Kosmo _ Isnin _ 22 April 2013

Bekas atlet OKU Paralimpik juga terima ijazah sempena konvokesyen AeU

Warga emas bangga terima PhD

Oleh IZRINDA BADROLHISHAM
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Seorang warga emas, Ho Neen Yong, 67, wajar menjadi model kepada generasi muda atas kejayaannya menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pendidikan pada Konvokesyen Asia e Universiti (AeU) di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya di sini semalam.

Bekas Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri Pelajaran itu ternyata tidak menjadikan faktor umur sebagai penghalang bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

“Saya berbangga dengan kejayaan ini dan pengalaman paling berharga semasa belajar pada usia ini ialah bekerjasama dengan pelajar jauh lebih muda dari Universiti Oxford dan Universiti Tunku Abdul Rahman,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Neen Yong salah seorang daripada 961 graduan AeU yang menerima diploma, ijazah, sarjana dan PhD yang disampaikan oleh Pengurus AeU, Tan Sri Syed Jalaludin Syed Halim.

Selain itu, orang kelainan upaya (OKU), Oh Kwong Fai (**gambar kecil**), 55, yang menerima Ijazah Sarjana dalam bidang pengurusan juga tidak pernah menganggap kecacatan kakinya menjadi penghalang untuk berjaya.



NEE YONG (tengah) bersama isterinya, Juliet Goh Oi (kanan) dan anaknya, Ho Nien Yi selepas Majlis Konvokesyen Universiti AeU di Kuala Lumpur semalam.

“Kerajaan banyak memberi bantuan dari segi kewangan dan bantuan yang sepatutnya kepada golongan OKU seperti saya dan peluang ini dijadikan sebagai batu loncatan untuk terus berjaya serta menjadi contoh yang baik untuk anak-anak,” katanya.

Kwong Fai merupakan bekas atlet pasukan ping pong Malaysia pada

Paralimpik tahun 2003 sehingga tahun 2006 selain pernah bertugas sebagai Pengurus Cawangan Amanah Raya Berhad di Sarawak.

Majlis yang sama turut menyaksikan sebanyak tiga graduan universiti itu menerima Anugerah Pengurus iaitu Joanne Chow Yu Ming, 39, Yap Cheng Tat, 47, dan Mohd. Hafiz Ibrahim, 34.